

AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS KAFA MENENGAH DI NEGERI SELANGOR

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

QURRATUAINI BINTI CHE ANUAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS Kafa MENENGAH DI NEGERI
SELANGOR**

QURRATUAINI BINTI CHE ANUAR

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيسيتي فديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11/3/2025

Perakuan Pelajar:

Saya, QURRATUAINI BINTI CHE ANUAR, M20181001271 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS KAFA MENENGAH DI NEGERI SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS KAFA MENENGAH DI NEGERI SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM.

11/3/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS KAFA MENENGAH DI NEGERI SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20181001271

Saya / I: QURRATUAINI BINTI CHE ANUAR
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11/3/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Segala puji selayaknya ke hadrat Ilahi, tuhan sekalian alam yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui segala yang nyata dan tersembunyi. Selawat dan salam buat nabi junjungan, Muhammad S.A.W juga buat seluruh ahli keluarga baginda dan para sahabat serta ahli-ahli dakwah yang menyeru ke jalan Allah dan berpegang dengan Sunnah baginda. Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah kerana memberi peluang dan ruang serta telah mempermudah segala urusan dalam menyempurnakan penulisan ini berlandaskan ilham serta hidayah yang telah dikurniakan. Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan khususnya kepada pensyarah penyelia, Prof. Madya Dr. Norhisham Bin Muhamad yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, serta panduan dalam usaha saya menyiapkan penulisan ini. Begitu juga kepada seluruh pensyarah Pendidikan Islam Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI yang telah banyak berkongsi ilmu pengetahuan kalian. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pakar panel yang telah sudi mengesahkan instrumen soal selidik saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada seluruh warga tenaga pengajar SRA dan KKM di seluruh Negeri Selangor yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama yang baik bagi melancarkan lagi perjalanan kajian saya ini. Setulus ucapan kasih dan sayang dilafazkan buat suami tercinta, Mohamad Aziz Bin Abdul Rashid yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan dorongan samada dari segi mental atau fizikal mahupun dari segi kewangan. Begitu juga buat anak-anak tersayang Aisyah Qalesya, Mohamad Ammar Qayyim, Mohamad Affan Qais, Aliyah Qanithah dan Mohamad Ayyash Qassim kerana sentiasa memahami. Tidak dilupakan juga kepada ibunda tercinta Pn. Sabtiah Binti Abdul Rahman di atas doa dan nasihat yang diberi sebagai penguat semangat untuk saya terus berusaha menyempurnakan tulisan ini serta ibunda mentua Pn. Fatimah Binti Basiron. Kepada semua ahli keluarga terutama adik beradik, ibu-ibu dan bapa-bapa saudara serta ahli keluarga yang lain juga kepada sahabatsahabat, terima kasih atas doa kalian. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang bakti dalam proses menyempurnakan kajian ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan dan budi baik kalian. Allahumma amin.





ABSTRAK

Pelaksanaan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Malaysia pada hari ini telah mencapai kemajuan bukan hanya di peringkat sekolah rendah malah di peringkat sekolah menengah juga. Ini menunjukkan guru KAFA memainkan peranan penting dalam memperkasakan amalan pengajaran guru. Kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru Kelas Kafa Menengah (KKM) di Negeri Selangor yang melibatkan kesediaan guru serta kaedah yang dilaksanakan oleh guru. Teori Ibnu Khaldun digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti kaedah yang dilaksanakan di KKM. Kajian ini melibatkan 56 guru yang mengajar KKM di Negeri Selangor. Reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey research) yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian digunakan dalam kajian ini. Kaedah analisis data dalam kajian ini adalah menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi menggunakan peratus, min, sisihan piawai, Ujian t-Test, ANOVA dan Korelasi Pearson. Min keseluruhan dapatan kajian bagi tahap kesediaan guru adalah sederhana tinggi iaitu 3.98, manakala kaedah pengajaran adalah tinggi iaitu 4.33. Min masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.72. Analisis Inferensi perbezaan menunjukkan 3 hipotesis nol diterima dan 1 hipotesis nol ditolak berdasarkan 4 faktor demografi guru. Analisis korelasi menunjukkan hubungan di antara kesediaan guru dengan amalan pengajaran guru ialah ($r=0.582$, $p<0.01$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa masih banyak kekurangan dan halangan dalam memastikan kelancaran dalam pelaksanaan KKM. Kajian mencadangkan supaya semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KKM berusaha menambah baik kualiti pengajaran di KKM dari segala sudut sehingga KKM mampu melahirkan generasi yang cemerlang dari segi agama mahupun akademik.



TEACHING PRACTICES OF SECONDARY KAFA CLASS TEACHERS IN SELANGOR STATE

ABSTRACT

The implementation of Religious and Fardu Ain Classes (KAFA) in Malaysia today has made progress not only at the primary school level but at the secondary school level as well. This shows that KAFA teachers play an important role in empowering teachers' teaching practices. This study was conducted to discuss the teaching practices implemented by teachers of the Kafa Menengah Class (KKM) in the State of Selangor involving the readiness of the teachers as well as the methods implemented by the teachers. Ibn Khaldun's theory is used in this study to identify the methods implemented at KKM. This study involved 56 teachers who teach KKM in the State of Selangor. A quantitative research design using a survey method that uses a questionnaire instrument as a research tool is used in this study. The method of data analysis in this study uses descriptive analysis and inferential analysis using percentage, mean, standard deviation, t-Test, ANOVA and Pearson Correlation. The overall mean of the study findings for the level of teacher readiness is moderately high which is 3.98, while the teaching method is high which is 4.33. The mean of problems and challenges faced by teachers is at a medium-high level which is 3.72. Inference analysis of differences shows that 3 null hypotheses are accepted and 1 null hypothesis is rejected based on 4 teacher demographic factors. Correlation analysis shows the relationship between teacher readiness and teacher teaching practice is ($r=0.582$, $p<0.01$). The findings of the study show that there are still many shortcomings and obstacles in ensuring the smooth implementation of KKM. The study suggests that all parties involved in the implementation of KKM strive to improve the quality of teaching at KKM from all angles so that KKM can produce a generation that excels in terms of both religion and academics.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	4
1.3	Pernyataan masalah	6
1.4	Objektif kajian	10
1.5	Soalan kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	11



1.7	Kerangka teori kajian	12
1.8	Kerangka konseptual kajian	19
1.9	Kepentingan kajian	22
1.10	Definisi kajian	23
1.10.1	Amalan	23
1.10.2	Pengajaran	23
1.10.3	Guru	24
1.10.4	Kelas KAFA Menengah	24
1.11	Batasan kajian	25
1.12	Penutup	26

BAB 2**ULASAN KEPUSTAKAAN**

2.1	Pengenalan	28
2.2	Kelas Kafa Menengah (KKM)	29
2.3	Konsep pendidikan di KKM	32
2.4	Kaedah pelaksanaan pengajaran di KKM.	34
2.4.1	Kaedah <i>Talqin</i> (Pandang Dengar)	34
2.4.2	Kaedah <i>Tadrij</i> (Berperingkat /beransur-ansur)	35
2.4.3	Kaedah <i>Tikrar</i> (Pengulangan)	36
2.4.4	Tajribah (Percubaan/praktikal)	36
2.5	Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru KKM	37
2.6	Kajian-kajian Lepas	39
2.6.1	Kajian tentang kaedah pengajaran guru KKM	39



2.6.2	Kajian tentang pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)	43
-------	--	----

2.7	Penutup	47
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
-----	------------	----

3.2	Reka bentuk kajian	49
-----	--------------------	----

3.3	Lokasi kajian	50
-----	---------------	----

3.4	Populasi kajian	51
-----	-----------------	----

3.5	Kaedah persampelan	52
-----	--------------------	----

3.6	Instrumen kajian	54
-----	------------------	----

3.6.1	Soal selidik	55
-------	--------------	----

3.6.2	Skala Jawapan Responden	60
-------	-------------------------	----

3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	61
-----	------------------------------	----

3.7.1	Kesahan kandungan	61
-------	-------------------	----

3.7.2	Kajian rintis	64
-------	---------------	----

3.7.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	65
-------	----------------------------------	----

3.7.4	Kebolehpercayaan soal selidik guru	66
-------	------------------------------------	----

3.8	Kaedah pengumpulan data	67
-----	-------------------------	----

3.9	Analisis data	68
-----	---------------	----

3.9.1	Data Normaliti (<i>Normality</i>)	68
-------	-------------------------------------	----

3.9.2	Analisis Deskriptif	69
-------	---------------------	----

3.9.3	Analisis Inferensi	70
-------	--------------------	----



3.10	Penutup	72
------	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	73
4.2	Latar belakang sampel kajian	74
4.3	Analisis Deskriptif	76
4.3.1	Tahap kesediaan guru dalam PdP di KKM dari segi sendiri dan BBM	76
4.3.2	Kaedah pengajaran guru dalam proses PdP di KKM?	81
4.3.3	Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam proses PdP di KKM.	84
4.4	Analisis perbezaan	88
4.4.1	Perbezaan skor min di antara kesediaan guru lelaki dan guru perempuan.	88
4.4.2	Perbezaan skor min di antara kesediaan guru dengan pengalaman mengajar.	89
4.4.3	Perbezaan skor min di antara kesediaan guru dengan kelulusan akademik.	90
4.4.4	Perbezaan skor min di antara kesediaan guru dengan kekerapan menghadiri kursus PdP.	91
4.4.5	Rumusan dapatan kajian analisis perbezaan	92
4.5	Analisis hubungan (Korelasi)	93
4.5.1	Korelasi hubungan di antara kesediaan guru dengan kaedah pengajaran guru di KKM.	94
4.6	Penutup	95



BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	96
5.2	Ringkasan Kajian	96
5.3	Perbincangan dapatan kajian	99
5.3.1	Analisis Deskriptif	99
5.3.2	Analisis Inferensi	110
5.3.2.1	Analisis Perbezaan	110
5.3.2.2	Analisis Hubungan (Korelasi)	115
5.4	Rumusan Kajian	116
5.4.1	Rumusan faktor demografi	117
5.4.2	Rumusan kesediaan guru KKM	117
5.4.3	Rumusan kaedah pengajaran guru di KKM	119
5.4.4	Rumusan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru KKM	121
5.5	Implikasi kajian	122
5.5.1	Implikasi Teori	122
5.5.2	Implikasi Praktikal	125
5.6	Cadangan	126
5.7	Kajian Lanjutan	128
5.8	Penutup	129

RUJUKAN	131
----------------	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	50
3.2	Bilangan KKM di semua daerah Negeri Selangor.	51
3.3	Populasi Guru di KKM Negeri Selangor.	52
3.4	Pemilihan Sampel guru KKM Sebagai Responden	54
3.5	Instrumen Demografi Guru	57
3.6	Item Demografi Guru	57
3.7	Instrumen Tahap Kesiediaan Guru	58
3.8	Item Tahap Kesiediaan Guru	58
3.9	Instrumen Kaedah Pengajaran Guru	59
3.10	Item Kaedah Pengajaran Guru	59
3.11	Instrumen Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Guru	60
3.12	Item Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Guru	60
3.13	Format Skala Likert	61
3.14	Instrumen soal selidik Kaedah Pengajaran Guru di KKM Negeri Selangor.	63
3.15	Klasifikasi indeks kebolehppercayaan pekali alpha	66
3.16	Nilai Pekali Kebolehppercayaan Soal Selidik Guru	66



3.17	Ujian Normaliti	69
3.18	Skor Min	70
3.19	Nilai Pekali Kolerasi	72
4.1	Jantina Guru	74
4.2	Pengalaman Mengajar	75
4.3	Kelulusan Akademik	75
4.4	Kekerapan Menghadiri Kursus PdP dalam setahun	76
4.5	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesediaan Guru dalam PdP dari segi sendiri	78
4.6	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesediaan Guru dalam PdP dari segi BBM	80
4.7	Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesediaan Guru dalam PdP di KKM.	81
4.8	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Kaedah Pengajaran Guru	83
4.9	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Masalah yang dihadapi oleh guru	87
4.10	Ujian –t kesediaan di antara guru lelaki dan guru perempuan.	89
4.11	ANOVA Kesediaan Guru dengan Pengalaman Mengajar	90
4.12	ANOVA Kesediaan Guru dengan Kelulusan Akademik.	90
4.13	ANOVA Kesediaan Guru dengan Kekerapan Menghadiri Kursus PdP dalam setahun.	91
4.14	Ujian Post-Hoc Scheffe Sehal Kesediaan Guru dengan Kekerapan Menghadiri Kursus PdP dalam setahun.	92
4.15	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan	93



4.16 Korelasi antara kesediaan guru dengan kaedah pengajaran guru di KKM 94





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

- | | | |
|-----|---|----|
| 1.1 | Kerangka Teori Ibnu Khaldun berkaitan pelaksanaan PdP yang digunakan di KKM (adaptasi daripada kitab Al-Muqaddimah 2002). | 18 |
| 1.2 | Kerangka Teori Ibnu Khaldun berkaitan pelaksanaan PdP yang digunakan di KKM (adaptasi daripada kitab Al-Muqaddimah 2002). | 19 |
| 1.3 | Kerangka Konseptual Kajian Amalan pengajaran guru kafa menengah di kelas Kafa menengah (KKM) Negeri Selangor. | 21 |





SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
GB	Guru Besar
HEM	Hal Ehwal Murid
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
JAİK	Jabatan Agama Islam Kedah
JAIS	Jabatan Agama Islam Sarawak
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
KKM	Kelas Kafa Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan



PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SK	Soalan Kajian
SKP	Sukatan Pelajaran
SMA	Sekolah Menengah Agama
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
SRA	Sekolah Rendah Agama
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa
UIS	Universiti Islam Selangor
UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Mempelajari ilmu agama merupakan kefardhuan kepada setiap umat islam. Firman Allah SWT di dalam surah *Al-Mujadalah*: 58:11 yang menceritakan tentang kelebihan menuntut ilmu adalah seperti berikut:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: “Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat”.

(Tafsir al-Qurthubi, 17/299)





Peranan sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan yang mengembangkan visi dan misi agama sangat dominan dan memainkan peranan penting dalam memberikan pemahaman keagamaan yang benar (Maksum Malim, 2013). Salah satu daripada aspek penting yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam pada hari ini sangat menekankan pendidikan akhlak serta nilai-nilai terpuji di kalangan pelajar bertepatan dengan kajian Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi dan Norhisham Mohamad (2021) yang menyatakan pendidikan agama adalah aspek penting dalam membina keperibadian seorang insan.

Menurut Nuruddin Zanki Hamzah, Mohd Suhardi Mat Jusoh dan Atikah Ade Hamzah (2024) falsafah pengajian Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) adalah satu usaha berterusan berasaskan al-Quran dan hadis berteraskan ajaran ahli sunnah wal jamaah untuk membentuk jenerasi *khairu ummah* yang bertanggungjawab membangun diri, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Begitu juga dengan falsafah Pendidikan Islam menurut Ari Kurniawan, Muhamad Faisal Ashaari dan Azizi Umar (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa natijah daripada matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam ini akan lahirnya generasi muslim yang seimbang dari segi material dan spiritual iaitu individu yang warak, ikhlas, jujur, istiqamah dan berbuat baik sesama insan. Ia juga melahirkan muslim yang berilmu, beriman berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ke arah menjadi hamba dan khalifah Allah S.W.T yang bertaqwa sebagaimana yang terkandung dalam kenyataan berikut:

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri,



masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

(Bahagian Kurikulum JAPIM 2002)

Melihat akan kepentingan Pendidikan Islam terhadap masyarakat, maka Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil inisiatif mewujudkan Kelas Kafa Menengah (KKM) di Negeri Selangor.

Menurut Azizah Mohd Rapini et.al (2010) kecenderungan menghantar anakanak belajar di Sekolah Rendah Agama (SRA) menunjukkan kesedaran ibu bapa untuk memperkuat penghayatan islam secara teori dan amalan dalam diri anak-anak melalui saluran rasmi sekolah yang menyediakan guru-guru yang lebih berkemahiran menyampaikan maklumat berkaitan agama Islam dengan cara yang lebih sistematik.

Menurut Mohd Amir Danuri (2014) KKM ini adalah peluang ‘pendidikan alternatif’ kepada ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka ke aliran agama setelah tidak berpeluang mengikuti pengajian di mana-mana sekolah agama menengah negeri atau persekutuan. Halimah Ali (2014) pula menyatakan usaha terancang ini bertujuan memastikan kesinambungan Pendidikan Islam dalam dalam pembentukan sahsiah diri pelajar tercapai bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam JAIS yang menyatakan bahawa:

“Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat”.

(Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2018)



Salah satu faktor KKM ditubuhkan adalah kerana permintaan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka mendapat pengisian pendidikan agama yang lebih baik (Ahmad Yunus, 2018).

1.2 Latar belakang kajian

KKM merupakan usaha kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan pengajaran Pendidikan Islam dapat diteruskan di peringkat sekolah menengah bukan sekadar di peringkat sekolah rendah sahaja. Peluang ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak berjaya melanjutkan pengajian mereka ke sekolah-sekolah menengah agama negeri atau persekutuan.



Objektif utama KKM adalah untuk melahirkan generasi yang celik al-Quran seterusnya memahami serta meyakini isi kandungan al-Quran serta mampu menjalani kehidupan seharian sebagai muslim yang sejati mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran sama ada dari segi adab, ibadah dan akidah.

Dalam merealisasikan matlamat serta falsafah Pendidikan Islam JAIS untuk melahirkan insan yang berilmu, beramal, beriman, berakhlak mulia, berketerampilan dan mampu bersaing demi kesejahteraan ummah, maka KKM seharusnya mempersiapkan guru-guru dengan persiapan dan persediaan yang lengkap sama ada dari segi mental mahupun fizikal. Guru Pendidikan Islam khususnya perlulah mempunyai domain-domain asas antaranya ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran, kemahiran terhadap pengajaran kemahiran berfikir dan sikap yang sesuai di samping





kesediaan guru dalam mengendalikan proses PdP tersebut (W. A. Wan Ismail, W.I. Muhammad, M.A. Lubis dan M. I. Hamzah, 2016).

Menurut Ayu Amirosemini Yusoff dan Khadijah Abdul Razak (2023) dalam kajian berkaitan murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam harus memainkan peranan penting dan perlu sentiasa bersedia dalam memperkasakan amalan pengajaran guru dari pelbagai sudut kerana amalan pengajaran guru ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru lebih berkesan dan memberikan impak yang baik terhadap perkembangan murid tercicir ini.

Seterusnya Mohd Isha Awang, Yaakob Daud et.al (2013) menyatakan bahawa tiga komponen utama dalam sistem pendidikan sesebuah negara ialah kurikulum, prasarana / infrastruktur dan sumber manusia. Dilihat dari aspek pembangunan sumber manusia, guru dianggap elemen penting yang menjadi nadi penggerak kepada keseluruhan jentera pendidikan, iaitu peranan guru adalah penting dalam mendidik anak didiknya. Tambahnya lagi, di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudahcara atau fasilitator. Oleh itu, amalan PdP guru yang berkesan bermakna pengajaran guru tersebut dianggap baik jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan bahan bantu mengajar (BBM), di samping memahami dan mendalami isi kandungan yang hendak diajar.

Dalam kajian Nuruddin Zanki Hamzah et.al (2024) berkaitan keberkesanan KAFA dalam pembangunan adab dan kerohanian murid menjelaskan bahawa antara yang menjadi tunjang utama dalam menentukan keberkesanan program KAFA ini ialah kompetensi guru tersebut. Personaliti guru KAFA sebagai sumber rujukan dan tauladan





kepada para pelajar mempunyai pengaruh dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta sentiasa menjadi perhatian pelajar. Penampilan Guru KAFA yang rajin, bertanggungjawab, sabar, ceria, kasih sayang dan aktif akan memberi kesan positif dalam Pendidikan KAFA. Tambahnya pendekatan pengajaran yang efisien dan kreatif pula akan meningkatkan lagi keinginan murid untuk terus fokus dalam sesi pembelajaran yang dijalankan.

Kenyataan ini disokong oleh Abu Bakar dan Che Noh (2019) yang menjelaskan bahawa personaliti guru KAFA yang berakhlak mulia dapat dilihat sebagai *role model* atau contoh ikutan yang baik kepada murid, ibubapa dan masyarakat.

1.3 Pernyataan masalah



Melihat kepada perkembangan pendidikan agama pada hari ini terus meningkat serta menjadi pilihan kebanyakan ibubapa di negara ini, maka tindakan JAIS melaksanakan program KKM adalah tindakan yang tepat. Oleh itu semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan KKM haruslah membuat peningkatan mutu pengajaran guru serta membuat penambahbaikan dari segala sudut agar kualiti pendidikan di KKM mampu berdaya saing setaraf pendidikan dunia tambahan pula KKM masih baru pelaksanaanya.

Antara isu-isu penting yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan kesediaan guru KKM dalam PdP. Kesediaan guru ini melibatkan kesediaan sendiri guru serta kesediaan menggunakan BBM sama ada berbentuk tradisional mahupun teknologi.





Menurut Maya Shafiqah Shaharom et.al (2024) guru Pendidikan Islam kekurangan pengetahuan dan pendidikan khususnya dalam pengaplikasian pelbagai kaedah pembelajaran abad ke-21 yang menggunakan teknologi serta kekurangan pengalaman yang mencukupi dalam mengajar subjek tersebut. Oleh kerana kurangnya pendedahan dan latihan khusus tersebut, guru-guru Pendidikan Islam menjadi kurang meminati terhadap komponen ini. Dapatan kajian Sapie Sabilan et.al (2022) menunjukkan bahawa tahap guru-guru pendidikan Islam JAIS dalam menggunakan teknologi dalam pengajaran berada di tahap yang sederhana rendah.

Kajian Mohamad Abu Bakar dan Mohd Aderi Che Noh (2019) menjelaskan bahawa hari ini amat malang kerana ramainya guru yang hadir mengikuti latihan kemahiran pendidikan tidak mempraktikkan sepenuhnya kemahiran dan latihan yang diberikan sama ada di peringkat persekutuan atau di peringkat negeri. Kajian Hafizul Rasdi et.al (2015) berkaitan KAFA di daerah Zon Pusa Negeri Sarawak mendapati kebanyakan guru kafa mengakui bahawa mereka masih kurang mahir dalam menguasai ilmu pedagogi pendidikan. Mereka hanya menggunakan kaedah menulis di papan hitam dan memberi penerangan sahaja. Ini disebabkan di awal pelantikan sebagai guru KAFA mereka tidak diberi latihan yang mencukupi untuk menguasai ilmu psikologi dan pedagogi pendidikan. Mereka hanya diberikan kursus dalam tempoh waktu yang singkat sahaja.

Tambahnya lagi pihak Jabatan Agama Islam Betong Sarawak dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak membekalkan dan menyediakan BBM kepada sekolah-sekolah yang sepatutnya melainkan hanya sedikit buku rujukan dan nota yang hanya didapati oleh sebahagian besar guru sekolah sahaja disebabkan buku rujukan yang ada amat terhad. Pihak sekolah juga tidak menyediakan BBM untuk guru





KAFA melainkan buku Iqra yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Betong. Apa yang lebih menyedihkan, guru-guru sendiri tidak mengambil inisiatif untuk menggunakan apa yang ada dan boleh dijadikan BBM berkaitan dengan subjek. Mereka hanya menerangkan apa yang terdapat di dalam buku sahaja

Kelemahan yang wujud juga dari sudut aspek latihan guru ini adalah, kebanyakan guru KAFA tidak menguasai kurikulum KAFA khususnya Bahasa Arab, Jawi, Kefahaman Ayat dan Ilmu Tajwid. Apabila guru kurang menguasai subjek yang diajar, besar kemungkinan isi pelajaran yang disampaikan sukar difahami oleh murid kerana menyampaikan ilmu yang kurang berkesan. Ini pastinya akan membantutkan proses PdP dalam beberapa subjek tersebut dan menjadikan pendidikan KAFA dilihat tidak mencapai matlamat sepertimana yang ditetapkan (Hafizul Rasdi, et.al, 2015).



Kenyataan ini disokong berdasarkan kajian Nur Farah Dina Mohamad dan Harun Baharuddin (2023) yang menyatakan guru KAFA di bawah JAIS mampu mengajar dalam semua subjek termasuk subjek Jawi yang asas sahaja seperti padanan huruf. Bagi guru KAFA yang tidak pernah mengajar subjek Jawi, mereka tidak faham jawi Kini atau Moden walaupun telah diberi pendedahan sedangkan subjek Jawi merupakan subjek utama di KAFA.

Menurut Muhammad Amirul Mohd Nor et.al (2021) pengajaran yang efektif bermaksud guru yang berkemahiran untuk menyampaikan pengajaran secara santai, mudah difahami, diingati dan menyeronokkan. Naquiah Nahar dan Jimaain Safar (2018) menyatakan bahawa kaedah pengajaran konvensional lebih memfokuskan kepada penyampaian maklumat kepada murid. Bagi menyokong kenyataan ini, kajian Sh





Nabilatul Huda Syed Abdullah, Saroya Yahya dan Masriyah Misni (2020) menyatakan dalam konteks guru Pendidikan Islam, berdasarkan temubual dengan guru-guru KAFA yang berkursus pada Jun 2018 di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi mendapati kebanyakan guru KAFA masih cenderung menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru iaitu *chalk and talk*.

Dapatan kajian Bani Hidayat Mohd Shafie, dan Norhayati Fatmi Talib (2018) mendapati secara keseluruhan dari aspek strategi pengajaran, BBM, dan kaedah pengajaran guru KAFA adalah pada tahap sederhana.

Seterusnya masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guruguru KKM mampu menghalang pelaksanaan PdP di KKM. Abad ke-21 telah menyaksikan profesion perguruan mengalami cabaran yang sangat besar yang memerlukan kekuatan dari segi fizikal dan mental guru tersebut. Hal ini adalah kerana jika dahulu kemungkinan hanya sesetengah guru yang akan terbeban dengan tugastugas tertentu di sekolah berbeza dengan guru sekarang selaras dengan transformasi pendidikan yang berlaku (Ghaiazra Mohammad Ali dan Abang Mohd. Razif Abang Muis 2021). Kamarul azmi Jazmi (2011) juga menyatakan beban tugas guru juga merupakan cabaran yang semakin besar kepada guru-guru Pendidikan Islam.

Azizi Umar et al. (2016) menyatakan dalam kajian mereka bahawa masalah pengurusan dan keperluan di SAR/KAFA adalah merangkumi definisi sekolah yang berbeza, masalah asas penubuhan, kemudahan infrastruktur dan lokasi, pengurusan sekolah, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kurikulum.





1.4 Objektif kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji tahap amalan pengajaran guruguru KKM di Negeri Selangor. Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa objektif telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Menenal pasti tahap kesediaan guru dalam PdP di KKM.
- ii. Mengkaji kaedah pengajaran guru dalam proses PdP di KKM.
- iii. Menenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran di KKM.
- iv. Menganalisis perbezaan di antara kesediaan guru dengan faktor demografi guru KKM.
- v. Menenal pasti hubungan di antara kesediaan guru dengan kaedah pengajaran guru di KKM.



1.5 Soalan kajian

Untuk mencapai tujuan kajian, maka soalan-soalan kajian ini dibina bagi menjawab objektif kajian yang telah dinyatakan. Soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- SK 1** Apakah tahap kesediaan guru dalam PdP di KKM?
- SK 2** Apakah kaedah pengajaran guru dalam proses PdP di KKM?
- SK 3** Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses PdP di KKM?
- SK 4** Adakah terdapat perbezaan di antara kesediaan guru dengan faktor demografi guru KKM?





SK 5 Adakah terdapat hubungan di antara kesediaan guru dengan kaedah pengajaran guru di KKM?

1.6 Hipotesis Kajian

Di dalam kajian ini, soalan kajian (SK) pertama hingga tiga merupakan soalan berbentuk deskriptif, maka skor min dan sisihan piawai digunakan dalam menghurai dan menganalisis data yang diperoleh. Manakala soalan kajian (SK) empat hingga lima pula berbentuk inferensi, maka huraianannya adalah secara inferensi iaitu ujian-t.

Hipotesis nol bagi soalan kajian 4 dan 5.



H_{01} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kesediaan di antara guru lelaki dan guru perempuan.

H_{02} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min di antara kesediaan guru dengan pengalaman mengajar.

H_{03} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min di antara kesediaan guru dengan kelulusan akademik.

H_{04} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min di antara kesediaan guru dengan kekerapan menghadiri kursus PdP dalam setahun.

H_{05} Tidak terdapat hubungan di antara kesediaan guru dengan kaedah pengajaran guru di KKM?





1.7 Kerangka teori kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan kaedah PdP yang dilaksanakan oleh guru-guru KKM. Oleh itu bagi menyempurnakan kajian ini maka pengkaji membina kerangka teori berdasarkan teori konsep pendidikan yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya “Muqaddimah”.

Menurut Ibnu Khaldun kaedah *Talqin* iaitu pandang dengar harus dilaksanakan terutama di dalam mata pelajaran al-Quran kerana al-Quran merupakan pengajian yang terpenting dalam peringkat pengajian pertama (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et.al, 2017), sejajar dengan prinsip pendidikan di KKM yang mewajibkan mata pelajaran al-Quran sebagai mata pelajaran utama.



Memandangkan pengajaran di KKM hanya melibatkan mata pelajaran agama sahaja maka pengkaji mengaitkan kaedah *Talqin* dalam pengajaran adalah sangat bersesuaian dan dilakukan secara terkawal dan teratur mengikut keperluan mata pelajaran tersebut kerana setiap mata pelajaran memerlukan cara *Talqinnya* tersendiri sebagai contoh dalam mata pelajaran al-Quran, guru membaca ayat al-Quran terlebih dahulu memberi penekanan yang lebih mendalam terhadap makhraj huruf, tajwid dan sebagainya di samping pelajar mendengar dengan teliti.

Manakala bagi mata pelajaran Tauhid pula, guru membaca ayat-ayat yang dijadikan dalil berkaitan tajuk yang mana lebih ringkas bacaannya berbanding mata pelajaran al-Quran dan hadis kerana dalil merupakan petikan daripada ayat al-Quran ataupun hadis. Apabila pelajar telah berjaya menguasai bacaan dengan betul maka mudah untuk pelajar menghafaz ayat-ayat tersebut. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa:





“Ianya melibatkan banyak daya usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar. Untuk memahaminya banyak waktu yang digunakan walaupun begitu, setelah bersusah payah sifat-sifat keserjanaan yang mungkin dicapai daripada bukubuku yang ringkas kedua-duanya berguna untuk mendapat kebiasaan yang sempurna. Usaha meringkaskan itu bermaksud menyenangkan para pelajar menghafal pengetahuan...”

(Ibnu Khaldun 2002)

Seterusnya Ibnu Khaldun menyatakan kedah *Tadrij* iaitu secara berperingkat dan beransur-ansur. Beliau menyebut di dalam kitab *Muqaddimah* seperti berikut:

“Sesuat yang harus kita ketahui bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada para pelajar hanya akan dapat dirasakan berkesan apabila ianya dilakukan secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit”.

(Ibnu Khaldun 2002)



Ibnu khaldun berpandangan bahawa kaedah *Tadrij* merupakan kaedah yang sangat berkesan dalam memberi kefahaman kepada pelajar semasa proses PdP berlaku (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et.al, 2017). Pendidikan di KKM mengamalkan pengajaran secara berperingkat mengikut kemampuan pelajar serta dilaksanakan secara beransur-ansur berpandukan sukatan pelajaran yang telah disediakan.

Kaedah ini diamalkan oleh guru KKM daripada permulaan pengajaran di mana guru memulakan pengajaran dengan Set Induksi berkaitan tajuk pembelajaran dan soal jawab berkaitan pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan tajuk pelajaran yang bakal dipelajari bertujuan untuk memberi gambaran awal berkenaan tajuk supaya pelajar dapat mempersiapkan diri mereka dengan penerangan yang lebih mendalam dan lebih susah lagi. Guru-guru juga memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran





bagi membantu pelajar untuk mudah faham. Hal ini bagi memastikan setiap pelajar dapat memahami dan menguasai setiap ilmu yang disampaikan dengan baik.

Dalam memastikan keberkesanan penyampaian ilmu juga, guru KKM sangat menitik beratkan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar, maka kaedah *Tikrar* iaitu pengulangan juga dilaksanakan. Hal ini adalah kerana tahap penerimaan dan IQ setiap pelajar adalah berbeza. Terdapat pelajar yang mampu memahami pelajaran dengan hanya sekali penerangan sahaja, dan terdapat juga pelajar yang memerlukan penerangan yang lebih daripada sekali malah ada juga pelajar yang akan berhasil menguasai pemahaman selepas berkali-kali diberi penerangan. Ibnu Khaldun mengatakan:

“Sebagaimana seseorang dapat menyaksikan, ia menghendaki tiga kali pengulangan. Beberapa pelajar dapat membebaskan dirinya sekadar kemampuannya, bergantung kepada keterampilan dan kecerdasan pelajar itu.

(Ibnu Khaldun 2002)

Guru juga disyorkan supaya tidak memindahkan pengajian kepada tajuk yang lain apabila pelajar tidak dapat menguasai sesuatu disiplin ilmu yang diajar. Ilmu tersebut pada diri pelajar seolah-olah bebanan. Maka sekiranya mereka masih belum mampu menguasai sesuatu ilmu malahan diajar pula kepada satu ilmu yang lain akan menyebabkan mereka berasa terbeban dengan perkara atau tugas yang baharu (Ibnu Khaldun, 2002). Pengkaji mengaitkan kaedah *Tikrar* ini dengan kaedah guru KKM yang menggalakkan pelajar mengulangkaji pelajaran sama ada secara individu mahupun berkumpulan. Guru KKM juga mengulangi isi- isi penting pelajaran semasa





proses pengajaran supaya pelajar tidak lupa disamping menambah kefahaman mereka terhadap sesuatu tajuk pelajaran.

Menurut Ibnu Khaldun (2002) terdapat tiga langkah pengajaran yang perlu dilakukan oleh guru berdasarkan kaedah pendidikan ini iaitu:

- a) Guru akan memaparkan kepada para pelajar berkenaan masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab kepada cabang-cabang ilmu tertentu. Guru juga akan melakukan huraian ringkas mengenai tajuk tersebut semasa pengajaran dengan tujuan untuk mengenal pasti kemampuan akal dan persediaan pelajar dalam menerima pengajian. Dengan ini, pelajar akan dapat membiasakan diri dengan disiplin ilmu yang diajar kepadanya persediaan pelajar dalam menerima pengajian. Dengan ini, pelajar akan dapat membiasakan diri dengan disiplin ilmu yang diajar kepadanya (Ibnu Khaldun 2002).
- b) Guru akan mengajar para pelajar pada peringkat yang lebih tinggi. Pada peringkat ini, guru tidak akan memberi penjelasan secara sepintas lalu sahaja tetapi membuat penjelasan dan huraian secara menyeluruh. Guru juga akan membuat kaitan pelajaran dengan keadaan semasa yang selari atau bertentangan dengan tajuk yang diajar. Oleh itu, daya pemikiran dan keintelektualan para pelajar akan dapat ditingkatkan (Ibnu Khaldun 2002).
- c) Ia merupakan langkah pengukuhan dan pemantapan dengan proses perbincangan yang lebih berasas. Menurut Ibnu Khaldun:

“Guru terus membimbing para pelajarnya, kali ini suatu perbincangan yang lebih berasas. Dia guru tidak akan membiarkan (pelajarnya) apa yang dianggap merumitkan, kabur atau terlindung tidak dijelaskan, semuanya (soalan yang ditanya oleh pelajar) harus dijelaskan secara terbuka kepada pelajar. Kesan daripada itu apabila dia selesai membicarakan disiplin itu, para pelajar telah mencapai tahap keahlian yang boleh dibanggakan.

(Ibnu Khaldun 2002)





Kaedah seterusnya yang ditekankan oleh Ibnu Khaldun dalam pendidikan ialah *Tajribah* iaitu percubaan dan praktikal. Kaedah *Tajribah* atau percubaan berkait rapat dengan pengalaman dan penyaksian yang kedua-duanya berkaitan dengan pancaindera (Ibnu Khaldun 2002). Pentingnya praktikal di dalam pendidikan terutamanya dalam mata pelajaran Syariah yang diajar di KKM adalah untuk memberi gambaran yang jelas kepada pelajar serta menunjukkan cara yang betul dalam melaksanakan ibadah seperti berwuduk, bertayammum, solat dan sebagainya. Menurut Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et.al (2017), Ibnu Khaldun mengatakan bahawa seorang pemerhati tidak akan mendapat atau mencapai sesuatu objektif dengan hanya melakukan pemerhatian sahaja, namun ianya boleh mencapai objektif tersebut dengan percubaan. Mereka juga akan mengetahui kebenaran dan kepalsuan secara nyata dan para pelajar akan dapat memperoleh sesuatu ilmu dengan percubaan yang dilakukan oleh pancaindera (Ibnu Khaldun 2002).



Kaedah *Tajribah* ini dikaitkan dengan kaedah guru menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan contohnya aktiviti “amali solat”, “tajhiz jenazah”, “tayammum” dan sebagainya. Begitu juga guru menggalakkan pelajar mencari input-input daripada sumber di luar kelas bagi merangsang perkembangan minda pelajar dalam mencari maklumat serta menambah ilmu bukan hanya mengharapkan sumber daripada guru sahaja. Maklumat yang diperoleh boleh dikongsi bersama guru dan rakan-rakan yang lain secara pembentangan atau penerangan pelajar dan dapat diperbetulkan oleh guru sekiranya maklumat tersebut tidak tepat atau salah. Aktiviti ini di samping mampu merangsang minda pelajar, ia juga mampu melatih pelajar sentiasa bersedia untuk mengkaji kesahihan sesuatu ilmu yang diperoleh bukan hanya menerima sahaja. Menurut Ibnu Khaldun:





Daripada peristiwa-lah para pelajar akan dapat mempelajarinya setiap insan itu dapat mempelajarinya kerana dia sememangnya berkeupayaan. Dia boleh mengutip pengetahuan itu melalui bantuan pengalaman daripada banyak peristiwa-peristiwa yang terjadi sewaktu bergaul dengan masyarakatnya. Akhirnya, dia berkeupayaan mengetahui apa yang mustahak dan harus dilakukan dan apa yang tidak seharusnya dilakukan terlekat di fikirannya.

(Ibnu Khaldun 2002)


Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang dibina berdasarkan teori Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pengajaran guru di KKM yang telah diadaptasikan daripada kitab Muqaddimah Ibnu Khaldun (2002).






Rajah 1.1

Kerangka Teori Ibnu Khaldun berkaitan pelaksanaan PdP yang digunakan di KKM (adaptasi daripada kitab Al-Muqaddimah 2002).



Rajah 1.2

Kerangka Teori Ibnu Khaldun berkaitan pelaksanaan PdP yang digunakan di KKM (adaptasi daripada kitab Al-Muqaddimah 2002).



1.8 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibina di dalam kajian ini adalah untuk memberi gambaran secara menyeluruh terhadap hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar iaitu pengajaran guru dengan pembolehubah bersandar iaitu pengajaran di KKM dalam memastikan penyampaian ilmu di KKM berkesan dan memberi impak kepada para pelajar.




Melalui kerangka konseptual kajian ini juga, dapat dikenal pasti elemen-elemen yang terkandung di dalam penyempurnaan pelaksanaan kaedah PdP di KKM serta menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaannya. Sepertimana yang telah digambarkan di dalam rajah 1.2, dapatlah dirumuskan bahawa peranan guru adalah sangat penting serta menjadi sumber utama dalam penyampaian ilmu yang berkesan melalui pelaksanaan kaedah pdp yang baik dan teratur seterusnya menjadi sesuatu yang harus dibangga oleh pihak sekolah serta JAIS yang menjadi pengelola terhadap program KKM ini. Menurut Muhammad Amirul et.al (2021) sebagai duta pendidikan Islam, guru KAFA merupakan satu kerjaya yang diamanahkan dan memiliki tanggungjawab yang berat kerana peranan guru KAFA dalam konteks pendidikan Islam ialah berusaha meneroka perkembangan potensi murid sama ada potensi fizikal, intelektual ataupun rohani agar proses PdP tersebut berjaya dilakukan.



Rajah 1.3

Kerangka Konseptual Kajian Amalan pengajaran guru kafa menengah di kelas Kafa menengah (KKM) Negeri Selangor.





1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk kepentingan yang dinyatakan seperti berikut:

Dapatan kajian ini dapat memberi faedah serta panduan kepada guruguru dan pihak pentadbir sekolah serta pihak JAIS yang mengendalikan KKM untuk membuat penambahbaikan berkaitan perancangan dan penyusunan yang lebih baik dalam pelaksanaan PdP di KKM.

Mengenal pasti masalah-masalah serta cabaran-cabaran yang terdapat dalam proses pengajaran guru di KKM bagi melancarkan lagi sistem pendidikan di KKM.

Berdasarkan kepada kepentingan kajian tersebut, maka pihak JAIS melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dapat memantau dan memberi maklum balas terhadap pelaksanaan PdP di KKM seperti yang telah ditetapkan. Segala kekurangan dan kelemahan sepanjang pelaksanaan PdP di KKM dapat dikenal pasti dan dapat diperbaiki agar dapat meningkatkan kualiti PdP di KKM.

Dapatan Kajian ini juga dapat membantu guru-guru membuat persiapan yang rapi dalam usaha menarik minat pelajar serta menjadikan pembelajaran di KKM bukan sesuatu yang membosankan malah mampu memberi impak yang besar dalam penyampaian ilmu Pendidikan Islam kepada pelajar melalui teknik-teknik dan kaedahkaedah yang betul yang dilaksanakan oleh guru-guru.





1.10 Definisi kajian

Beberapa perkataan dan istilah telah digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Bagi mengelakkan wujudnya salah faham terhadap maksud perkataan berikut, maka penjelasan dan penerangan daripada sumber-sumber yang berwibawa akan diberikan berpandukan tajuk kajian yang sedang dijalankan ini iaitu **“AMALAN PENGAJARAN GURU KELAS KAFA MENENGAH DI NEGERI SELANGOR”**.

1.10.1 Amalan

Menurut kamus dewan edisi keempat (2007), amalan membawa maksud sesuatu yg dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan. Amalan dalam kajian ini adalah bermaksud kebiasaan atau perbuatan yang biasa dilakukan oleh guru-guru KKM dalam proses PdP terhadap pelajar-pelajar di KKM dalam memastikan keberkesanan penyampaian ilmu terhadap mereka. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru KKM adalah berdasarkan teori konsep pendidikan yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya “Muqaddimah”.

1.10.2 Pengajaran

Pengajaran menurut Gergers (2005) adalah sebagai *ta’lim* atau *teaching* yang diiktibarka sebagai wahana penyampaian kemanusiaan dan wahana pendidikan, iaitu





menyalurkan maklumat dan pengetahuan daripada guru kepada pelajar. Pengajaran tidak akan berjaya tanpa tiga unsur, iaitu guru, pelajar dan kaedah pengajaran yang menjadikan BBM sebagai perantara guru untuk menyampaikan kefahaman kepada pelajarnya. Menurut kamus dewan edisi keempat (2007) pula, pengajaran ialah perihal mengajar, segala sesuatu yg berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar. Proses pengajaran ini merupakan proses yang melibatkan guru dan pelajar. Pengajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah cara atau kaedah yang digunakan oleh guru-guru KKM dalam mengajar dan menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Pengajaran yang baik dan berkesan dapat melahirkan pelajar yang berjaya dan berkualiti.



1.10.3 Guru

Menurut kamus dewan edisi keempat (2007) guru adalah orang yg mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Pengertian ini jugalah yang dimaksudkan dalam kajian ini iaitu orang yang terlibat dalam mendidik serta menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajar di KKM Negeri Selangor. Guru-guru KKM adalah guru-guru yang memiliki kelayakan dan kelulusan dalam bidang Pendidikan agama.

1.10.4 Kelas KAFA Menengah

Menurut Umizatul Iradah (2017) KKM adalah kelas lanjutan bagi Pendidikan Islam di bawah seliaan JAIS yang menggunakan kurikulum agama sepenuhnya yang hanya



dilaksanakan selama tiga hari dalam seminggu bermula jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi. KKM adalah melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). KKM merupakan projek rintis dan inovasi JAIS untuk mempelbagaikan fungsi dalam perkhidmatan Pendidikan Islam. Penubuhan kelas ini juga adalah bagi memenuhi tuntutan dalam menuntut ilmu.

1.11 Batasan kajian

Di dalam kajian ini terdapat beberapa batasan kajian yang dinyatakan seperti berikut:

- i. Memandangkan Selangor antara negeri yang berjaya melaksanakan KKM, maka kajian ini dilaksanakan di Negeri Selangor dan hanya tertumpu dan dikhususkan kepada KKM yang dilaksanakan di SRA di seluruh daerah di Negeri Selangor sahaja di bawah kendalian BPI JAIS.
- ii. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji amalan pengajaran guru, maka guru KKM adalah responden utama dalam kajian ini. Hanya guruguru yang mengajar di KKM yang dijalankan di SRA sahaja yang terlibat sebagai responden utama dalam kajian ini kerana mereka merupakan tenaga pengajar yang mengajar di KKM. Hal ini adalah kerana mereka sangat mengetahui dan memahami situasi PdP sebenar yang dilaksanakan di KKM.
- iii. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang menyumbang dan menghalang kepada pelaksanaan PdP di KKM.

Oleh itu, batasan kajian di atas akan mengecualikan penumpuan terhadap kajian-kajian berikut:

- i. Kajian ini tidak melibatkan KKM dari negeri-negeri yang lain selain Negeri Selangor, juga tidak melibatkan KKM yang dijalankan di Masjid di Negeri Selangor serta bukan KKM persendirian yang tidak dikendalikan oleh JAIS.
- ii. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru yang mengajar di SRA walaupun mereka berada di sekolah yang sama. Kajian ini juga tidak melibatkan pelajar sebagai responden kerana kajian ini mengkaji amalan pengajaran guru bukan pelajar.
- iii. Kajian ini tidak meneliti dan menilai selain daripada faktor-faktor yang menyumbang dan menghalang kepada pelaksanaan PdP di KKM.

1.12 Penutup

Dalam usaha memartabatkan kualiti sekolah-sekolah agama khususnya KKM, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalam sistem PdP yang dilaksanakan dan diamalkan di KKM supaya matlamat untuk melahirkan generasi yang memiliki sahsiah yang tinggi dapat dicapai dengan baik. Di dalam Kajian ini juga telah membincangkan cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dan guru dalam memainkan peranan masing-masing terutama dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan yang akan memberi impak yang besar kepada minat pelajar untuk belajar di sekolah tersebut.

Diharapkan melalui kajian ini dapat memberi manfaat dan memperluaskan lagi pengetahuan umum mengenai KKM serta hala tuju yang ingin dicapai dalam memainkan peranan sebagai salah sebuah institusi yang menitik beratkan pembentukan sahsiah terhadap pelajar melalui penyampaian ilmu Pendidikan agama. Hasil dapatan



kajian akan memberi panduan kepada pihak yang terlibat untuk membuat penambahbaikan dalam sistem PdP yang lebih menekankan nilai-nilai murni dalam kehidupan pelajar bukan hanya sekadar cemerlang di atas kertas peperiksaan semata-mata.

